

# ***Nukilan Sajak Merdeka dalam Membangunkan Bahasa, Sastera dan Budaya Bangsa melalui Pengajian Kesusasteraan Melayu***

Ani Omar

## **Abstrak**

Dalam era globalisasi yang berorientasikan budaya kebendaan, budaya sains dan teknologi maklumat, serta budaya digital, pembangunan bahasa, sastera dan pembinaan budaya bangsa seakan-akan dipinggirkan. Fenomena ini tidaklah menghairankan kerana sains dan teknologi sahaja tidak dapat melahirkan insan yang mempunyai etika dan nilai tinggi tanpa sokongan subjek bahasa, dan kesusasteraan Melayu. Sehubungan dengan itu, melalui pengajaran dan pembelajaran puisi Melayu moden (sajak) adalah antara genre dalam kesusasteraan Melayu yang dapat membentuk jati diri dalam pembangunan bahasa, sastera dan budaya bangsa yang luhur dan murni. Puisi adalah hasil cipta penyair lahir daripada sikap manusiawi antara hubung tara jiwa dengan fikiran insani. Umar Junus (1981) menyatakan bahawa puisi merupakan susunan kata untuk mengemukakan pemikiran. Dalam hal ini, puisi-puisi dalam *Nukilan Sajak Merdeka* (2007) terhimpun 378 buah puisi Melayu moden yang telah merakamkan pemikiran daripada 378 orang penyair yang sarat dengan realiti, kerelevan dan masa depan khususnya yang berkaitan dengan bahasa, sastera dan budaya bangsa sejak negara merdeka (1957-2006). Melalui puisi, penyuaran dan pemikiran penyair bukan sahaja indah malah telah mengabadikan apa yang dihasratkan untuk direnungi dan dihayati terutama kepada generasi yang bakal mewarisi negara khususnya menjelang tahun 2020. H. Tenas Effendy (2005) menyatakan bahawa pemahaman, penghayatan dan penyerapan serta pengalaman nilai seni budaya bangsa sangat penting kerana dari situlah tercermin jati diri kebangsaan seseorang. Sehubungan dengan itu, artikel ini

selanjutnya akan mengetengahkan puisi-puisi himpunan *Nukilan Sajak Merdeka* (2007) dalam membangunkan bahasa, sastera dan budaya bangsa melalui pengajian Kesusasteraan Melayu. Terdapat banyak mutiara dan nilai pembentukan bangsa dan tamadun terakam di dalamnya yang harus direnungi dan diaplikasikan khususnya dalam dunia pendidikan serta pengajian kesusasteraan Melayu masa kini.

**Kata kunci** puisi, penyair, bahasa, budaya, bangsa

## ***Abstract***

*In the era of globalization-oriented material culture, a culture of science and information technology, and digital culture, language development, literary and cultural construction seems marginalized. This phenomenon is not surprising, because science and technology alone cannot produce individuals who have high ethics and values without the support of the subject language, and Malay literature. Hence the teaching and learning of modern Malay poetry (poem) is among the genres of Malay literature can shape identity in the development of language, literature and culture of a noble and pure. Poetry is the result of the attitude of copyright poet born of the relationship between human life and human mind. Umar Junus (1981) state of poetry is to submit the wording of the mind. In this excerpt poems in *Nukilan Sajak Merdeka* (2007) collected 378 pieces of modern Malay poetry that has recorded the thoughts of 378 poets which is loaded with the reality, relevance and the future, especially related to language, literature and culture since the country's independence (1957-2006). Through poetry, poet, input and thoughts are not only beautiful but also has captured what is intended to be thoughtful and appreciated, especially to the generations who will inherit the country, especially in 2020. H. Tenas Effendy (2005) stated that the understanding, appreciation and absorption as well as experience the culture of the people is very important because it was there that reflected a national identity. Hence this article will further highlight the collection of poems *Nukilan Sajak Merdeka* (2007) in developing the language, literature and culture through the study of Malay literature. There are a lot of pearls and the formation of nations and civilizations that have embedded in them to ponder and applied in particular in education and the Malay literary studies today.*

**Keywords** poetry, poets, language, culture, race

## Pendahuluan

*Nukilan Sajak Merdeka* adalah antologi puisi yang telah diusahakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia sempena menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-50 tanah air. Tujuan menerbitkan buku ini adalah bagi mempersembahkan himpunan sajak kemerdekaan yang disiarkan dalam akhbar untuk dibaca dan dihayati oleh generasi tua dan muda ke arah membangkit semangat cinta akan negara. Sebanyak 383 buah sajak nukilan rakyat Malaysia yang disiarkan dalam akhbar dari tahun 1957 hingga 2006 dikutip dan dimuatkan ke dalam buku ini. Akhbar yang menjadi sumber rujukan bagi menghimpunkan sajak-sajak ini adalah *Berita Harian* (7 buah), *Berita Minggu* (141 buah), *Mingguan Malaysia* (103 buah), *Utusan Malaysia* (7 buah), *Utusan Melayu* (41 buah), *Utusan Zaman* (77 buah) dan *New Straits Times* (2 buah). Koleksi sajak ini mencerminkan kebanggaan rakyat Malaysia menyambut kemerdekaan setiap tahun. Himpunan *Nukilan Sajak Merdeka* menjadi bahan analisis utama dalam melengkapkan kertas kerja ini adalah kerana di dalamnya sarat dengan mesej yang hendak disampaikan oleh para penyair pascamerdeka (1957-2006) kepada generasi bakal pewaris negara, khususnya tentang pengisian erti kemerdekaan yang berkaitan dengan membangunkan bangsa, bahasa, sastera dan budaya.

Daripada analisis yang dijalankan, didapati 54 buah sajak menyuarakan penghargaan terhadap jasa para pejuang tanah air, 34 buah sajak membicarakan soal perpaduan, 38 buah sajak melontarkan pemikiran tentang nikmat kemerdekaan, 22 buah sajak adalah penyuaraan terhadap cinta tanah air, empat buah sajak menyuarakan kesyukuran atas kemerdekaan tanah air, 68 buah sajak menyuarakan erti kemerdekaan, 28 buah sajak membicarakan soal bahasa dan sastera di tanah air, 19 buah sajak adalah mengenai semangat jati diri, 59 buah sajak memperkatakan soal bangsa dan budaya, lima buah sajak adalah mengenai ilmu, sembilan buah sajak memperkatakan soal generasi pascamerdeka dan yang selebihnya sebanyak 38 buah sajak hanya memperkatakan soal kemerdekaan secara umum. Sehubungan dengan itu, artikel ini selanjutnya akan mengetengahkan beberapa buah puisi terpilih yang menyuarakan topik perbincangan, iaitu membangunkan bahasa, sastera dan budaya bangsa serta bagaimana ia boleh direalisasikan melalui pengajian kesusasteraan Melayu.

## Perspektif Pengajian Kesusasteraan Melayu Masa Kini

Dalam konteks globalisasi yang menjadi fenomena dunia hari ini, sastera dapat dijadikan asas kepada pengukuhan jati diri bangsa terutama bagi golongan para pelajar sama ada di sekolah mahupun di menara gading. Pengajian kesusasteraan Melayu secara formal atau tidak formal adalah paling dekat dengan usaha menanam nilai, sikap, perasaan, pandangan hidup di samping menyumbang ilmu pengetahuan dan kemahiran serta bertindak sebagai alat untuk menyemadikan nilai-nilai kerohanian. Fungsi unggul ini sememangnya tiada siapa yang akan menafikannya. Namun, peranan kesusasteraan itu dalam membentuk sesuatu perwatakan sering dipandang sepi. Keberkesanannya dan kejayaannya dalam jangka masa panjang bergantung kepada beberapa faktor seperti tujuan dan matlamat yang jelas, pemilihan karya yang sesuai dan cara mengajar yang digunakan serta lain-lain yang berkaitan.

Kesusasteraan Melayu merupakan seni yang menggunakan kata-kata tanpa memperhitungkan persoalan sama ada kata-kata itu tertulis (tulisan) atau sekadar diucapkan (lisan). Rahman Shaari (1998:58) menyimpulkan bahawa “kesusasteraan Melayu merupakan satu bentuk ilmu yang mengungkapkan segala aktiviti manusia secara kreatif dan berseni”. Para pengkaji dan peneliti sastera yang lain berpendapat kesusasteraan Melayu adalah segala hasil ciptaan manusia melalui bahasa yang bersifat seni. Sebagai hasil seni, maka ciri utamanya mengandungi unsur-unsur ini, pengarang menyampaikan pernyataan-pernyataan fikiran, perasaan, harapan, cita-cita dan impian serta hubungan manusia dengan masyarakat atau dunia persekitarannya. M.K Danziger dan W.S Johnson (1983:26) menyimpulkan:

*“literature, then is an eloquent artistic document, infinitely varied, of mankind’s journey the autobiography of the race’s soul. And whatever the practical ‘uses’ of history may be, on of marks of civilized man is his absorbed interest in the emotional and intellectual adventures of earlier generations”.*

Kesusasteraan Melayu juga adalah mengenai manusia dalam segala peringkat umur dan pelbagai ragam keadaan hingga umum menganggap bahawa sastera itu adalah cermin kehidupan. Sehubungan dengan itu, mata pelajaran kesusasteraan Melayu amat penting bagi setiap pelajar dan masyarakat. Walaupun dianggap sebagai

subjek yang menjadi pilihan terakhir bagi para pelajar tetapi sastera mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Hal ini disebabkan sastera merupakan satu subjek yang mampu membentuk nilai, sifat-sifat murni dan berupaya memenuhi aspirasi Falsafah Pendidikan Negara sama ada dari segi jasmani, emosi, rohani atau pun intelek. Misalnya, dari segi jasmani adalah dengan mengadakan lakonan, berdrama, berdiskir barat, wayang kulit dan berpuisi yang mempunyai gerakan jasmani untuk menyampaikan mesej kepada audiens. Emosi pula ialah pendeklamasi sajak, syair atau pantun yang mampu meluahkan isi hati dan perasaan sebagai teguran membina dan pandangan kepada pendengar. Aspek rohani pula adanya penghayatan dan amalan yang baik apabila mendengar, melihat dan membaca novel, drama, penghayatan puisi dan sebagainya. Intelek pula dapat membentuk masyarakat dan pelajar yang kreatif dan inovatif bagi melahirkan karya yang bermutu.

Suria Janib (2007:14) menyatakan bahawa perkembangan karya sastera tanah air bermula pada abad ke 15 apabila munculnya karya *Sejarah Melayu* atau *Sulalatus Salatin* yang memfokuskan isu politik, ekonomi, dan sosial pada era itu. Manakala karya sastera Melayu moden dikesan mengalami perkembangannya pada 1920-an yang lebih ke arah nasionalisme dan perjuangan mencapai kemerdekaan. Pada masa itu beberapa karya besar dihasilkan seperti *Putera Gunung Tahan* dan *Anak Mat Lela Gila* karya Ishak Haji Muhammad yang begitu lantang mengkritik masyarakat. Pada era kemerdekaan, perjuangan sastera diteruskan oleh Sasterawan Negara seperti Usman Awang, Keris Mas, A. Samad Said dan Shahnon Ahmad yang banyak menyentuh isu masalah sosial dan generasi muda. Selain itu, karya yang dihasilkan menunjukkan penegasan terhadap usaha memenuhi aspirasi negara dan perpaduan bangsa. Pada masa sekarang cabaran semakin hebat apabila negara ini menerima kesan daripada ledakan teknologi sains dan maklumat serta globalisasi yang mampu menggoyahkan akar kekuatan jati diri generasi muda. Perkembangan yang berlaku ini sebenarnya boleh dijadikan inspirasi dan iktibar kepada sesiapa khususnya para pelajar dewasa ini.

Seperti mana yang diketahui, sastera adalah cerminan masyarakat, bangsa atau kelompok sosial tertentu, sekiranya cermin ini tidak dijaga maka ia akan menjadi lusuh dan pudar. Kita mungkin tidak dapat melihat wajah kita dengan jelas. Kemungkinan juga kita akan melupakan cermin yang lusuh itu. Namun, dapatkah kita melihat wajah kita tanpa cermin ini. Samalah juga sastera dalam kehidupan kita,

sedar ataupun tidak, hanya melalui sasteralah kita boleh melihat wajah kita, wajah masyarakat dan wajah bangsa kita. Mungkin agak pelik bunyinya tetapi tidak ada sesuatu yang mustahil dalam sastera kerana sastera itu sendiri melambangkan warisan bangsa. Oleh itu, ia perlulah dipertahankan, dipelihara dan dibajai dengan sebaik mungkin. Sastera juga boleh diumpamakan sebagai barang antik yang tinggi nilainya. Oleh itu, sastera haruslah diberikan perhatian yang sewajarnya. Ini kerana peluang pekerjaan sentiasa terbuka dalam bidang sastera. Jangan hanya menganggap dan menyempitkan pemikiran dengan mengatakan sastera merupakan satu mata pelajaran yang tiada peluang dalam pasaran kerjaya. Kenyataan ini perlulah ditolak dengan sekeras-kerasnya. Siapa lagi yang akan mengangkat martabat sastera sekiranya kita sendiri tidak mengangkat martabat mata pelajaran ini di tempat yang sepatutnya dijadikan sebagai mata pelajaran teras, kini hanya layak dijadikan mata pelajaran elektif. Malah terpaksa pula bersaing dengan mata pelajaran lain seperti Pendidikan Seni, Tasawur Islam, Perdagangan, Ekonomi Asas dan Geografi. Lebih memeritkan lagi apabila terpaksa menelan kenyataan pahit yang menyatakan sastera hanyalah sesuai untuk para pelajar yang lemah. Di manakah letaknya nilai Kesusasteraan Melayu kini? Namun, itulah kenyataan yang terpaksa ditelan oleh dunia Kesusasteraan Melayu dewasa ini. Cuma apa yang menjadi tanda tanya di sini adalah sejauh manakah para pelajar aliran sains ini mampu mengharungi kehidupan tanpa emosi, tanpa tahu nilai sopan santun dan adat budaya. Sekiranya semua didedahkan dengan teknologi dunia tanpa sempadan siapa yang akan menyambung warisan bangsa? Tidak hairanlah suatu hari nanti tiada siapa yang ingin mengenali kepahlawanan Hang Tuah, kebijaksanaan Puteri Gunung Ledang, kemasyhuran Melaka dan banyak lagi kisah warisan bangsa yang perlu dimartabatkan. Jika keadaan ini berlaku, pada siapakah beban ini harus diletakkan?

Namun, sikap sesetengah pihak yang tidak mengendahkan dan mengakui kepentingan subjek sastera dianggap seperti melupakan akar budaya bangsa sendiri sedangkan permulaan perjalanan dan perhentian hidup ini dikelilingi oleh dunia kesusasteraan. Oleh itu, wajarlah sekiranya Kesusasteraan Melayu dimartabatkan kembali dan dinobatkan sebagai salah satu mata pelajaran teras yang mampu merubah dan membentuk jati diri bangsa seterusnya bersama-sama menggembung pembinaan dan pembangunan negara. Selain daripada menyaksikan kepesatan pembangunan negara, pemimpin yang seimbang bukan sahaja dalam tingkat teknologi dan kepimpinan tetapi

yang lebih penting adalah sahsiah dan akhlak yang mulia. Ia perlu dibentuk seandainya kita mengimpikan pembangunan yang seimbang dalam pelbagai aspek. Pincanglah sekiranya kita hanya mementingkan kemajuan sedangkan kita tidak berbudi bahasa, tidak tahu adab sopan dan tidak tahu harga diri. Hal ini perlulah dipandang secara serius supaya kita tidak menyesal pada kemudian hari.

Subjek sastera bukanlah satu mata pelajaran yang sudah ketinggalan zaman atau tidak relevan, hal ini kerana jika diteliti dengan mata hati kesusasteraan dilihat sebagai satu bidang yang mampu menyumbang ke arah kemahiran berfikir. Seperti kata sasterawan negara Shahnon Ahmad, beliau menegaskan watak utama dalam kesusasteraan adalah manusia dan bukannya benda yang bersifat statik seperti tunggul kayu. Perubahan yang berlaku pada manusia merupakan aspek penerokaan dalam sesuatu karya. Keperihalan manusia yang disampaikan oleh manusia kepada manusia. Secara ringkas, manusia dan kemanusiaan adalah perkara asas dalam sesebuah karya seni atau dalam kesusasteraan itu sendiri. Mata pelajaran kesusasteraan sebenarnya memberi makna kepada hati manusia yang menjadi markas kepada kemanusiaan baik dari segi fisiologi, psikologi dan sosiologi. Malah sastera boleh dianggap sebagai hiburan, namun hiburan yang dimaksudkan menjurus kepada peningkatan nilai dan kemanusiaan.

Melalui sastera juga kita mampu mewarisi dan mengekalkan personaliti yang unggul, jati diri yang teguh, disiplin yang tinggi serta mampu memimpin selari dengan batas-batas kepimpinan dan wawasan negara. Melihat kepada senario antarabangsa, pasaran ekonomi global dan peluang masa depan, jelas sekali kita terpaksa berhadapan dengan pelbagai ranjau dan cabaran yang menuntut kepada keteguhan jati diri. Tanpa asas keperibadian yang teguh, kita mungkin tidak dapat melawan arus perdana yang begitu hebat dengan pengaruh daripada anasir-anasir luar. Oleh yang demikian, kita wajar melihat pendidikan kesusasteraan di negara ini bukanlah sekadar manifestasi idea kepada para pelajar dan masyarakat semata-mata. Akan tetapi konteksnya telah diperluas dengan mengambil tanggungjawab sebagai pembina tamadun masyarakat sekali gus memartabatkan etika sosial, ekonomi, kebudayaan dan dunia politik masyarakat sejagat. Malah hubungan pendidikan kesusasteraan Melayu dengan Falsafah Pendidikan Negara seharusnya dilihat sebagai asas yang kukuh ke arah perkembangan potensi individu secara menyeluruh melalui pendekatan bersepadau demi mewujudkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, jasmani dan emosi. Semua ini boleh dicapai melalui pengajian kesusasteraan Melayu sama ada berbentuk prosa maupun puisi.

## Puisi

Puisi ialah karangan berangkap yang disusun mengikut perkataan-perkataan tertentu dengan menggunakan irama, bunyi dan kiasan-kiasan yang berkesan. Ia merupakan alat pengucapan fikiran dan perasaan yang terindah dan mempesonakan. Puisi mempunyai makna yang sama dengan perkataan *poezie* dalam bahasa Belanda. Dalam bahasa Yunani dan Latin, puisi disebut sebagai *poiets*, manakala dalam bahasa Inggeris pula ia disebut *poetry*. Namun, setiap satunya mendukung makna yang sama.

Puisi mementingkan kehalusan dan keindahan. Bahasanya diukir daripada perkataan-perkataan yang indah, disusun mengikut peraturan-peraturan tertentu dengan bentuk irama yang menarik lagi memikat (*the best words in the best order*). Oleh sebab sifatnya yang sedemikian itu, puisi menjadi cara yang indah dan paling berkesan untuk menyatakan sesuatu. Lazimnya, apa yang diungkapkan oleh puisi itu lahir dari perasaan yang seni dan dari fikiran yang bernilai. Puisi dapat dibahagikan kepada dua jenis yang utama, iaitu puisi Melayu tradisional (puisi rakyat) dan puisi moden.

### Puisi Melayu Moden (Sajak)

Kamaruzzaman A. Kadir (1998:114) menyatakan bahawa puisi sebelum Perang Dunia Kedua di Malaya dapat dianggap sebagai zaman permulaan perkembangan puisi Melayu moden. Pemodenan atau pembaharuan yang penting dapat dilihat dari pernyataan perasaan dan fikiran, iaitu sudah membawakan suasana yang lebih tegas, bebas dan lantang. Samsina Hj. Abd. Rahman (1997:56) menyatakan bahawa secara umumnya era puisi moden bermula pada tahun 1930-an, khususnya ditandai oleh puisi karangan Muhammad Yassin Makmur (Pungguk) pada bulan Mac 1934 yang tersiar dalam *Majalah Guru*. Puisi itu berjudul *Keluh Kesah*. Satu pendapat lagi yang diketengahkan oleh Zainal Abidin Bakar (1975:42-43) menunjukkan lama sebelum Pungguk, iaitu pada 18 Januari 1913 Omar Mustafa telah menghasilkan puisi *Angan-Angan Dengan Gurindam* yang diterbitkan dalam akhbar *Utusan Melayu*. Dari segi bentuk dan ciri-cirinya ternyata puisi Omar Mustafa telahpun mengetepikan ciri-ciri klasik, tetapi namanya terus tenggelam selepas puisi itu kerana tidak berkarya lagi. Rumusannya, perkara yang menjadi pegangan utama dalam puisi Melayu moden ialah ekspresi jiwa. Bahasa, bentuk irama dan kepenyairan harus

tunduk pada cetusan jiwa penciptanya. Puisi moden mempunyai satu falsafah yang tersendiri, iaitu ia tidak mahu dikongkong oleh apa-apa peraturan khusus seperti bentuk puisi lama atau tradisional.

Di tanah air kita, puisi Melayu moden ini lebih dikenali sebagai sajak. Ia dikatakan baru atau moden kerana ia memiliki sifat-sifat yang tidak begitu terikat kepada bentuk-bentuk puisi lama yang dianggap lebih ketat dan mengongkong. Pernyataan fikiran penyair disebarluaskan secara bebas dan dinamis. Perasaan dan curahan hati mereka dapat dilahirkan dengan yakin dan puas. Segala yang diucapkan terasa lunak, licin, segar, indah, bebas dan bertenaga. Pada dasarnya, puisi Melayu moden masih berupa karangan berangkap walaupun cara penulisannya baru dengan unsur-unsur dan penggunaan kepelbagaian gaya bahasa.

## **Pengajian Puisi (Sajak) dan Kepentingannya kepada Pelajar**

Pelajar merupakan generasi pelapis yang penting kerana mereka lah yang bakal mewarisi negara. Justeru, mereka perlu dibekalkan dengan ilmu pengetahuan, akhlak yang baik dan ciri kepimpinan kerana di tangan mereka lah negara kita akan dibentuk dan dibangunkan kelak. Maka Sastera merupakan subjek yang dapat memenuhi untuk membentuk keperibadian pelajar. Melalui pengajaran dan pembelajaran puisi, misalnya mendeklamasi puisi dan penghayatannya daripada puisi-puisi yang terdapat dalam *Nukilan Sajak Merdeka*, antara lain para pelajar akan mendapat beberapa manfaatnya seperti berikut:

### **Mengenali Adat, Budaya Bangsa, Jati Diri dan Keperibadian Mulia**

Kesusasteraan Melayu berupaya membantu pelajar untuk mengenali adat dan budaya bangsa. Hal ini disebabkan adat dan budaya bangsa merupakan satu aset yang berharga bagi sesuatu bangsa. Umpamanya, perhatikan sajak “Pemegang Bendera Penjulang Piala” karya Azmi Yusoff seperti berikut:

.....  
Kita, peribumi tanah ceraca membelah petaka  
Bertemurun membangunkan tamadun bangsa serumpun

Berkurun menyantunkan rukun Negara serimbun  
Setulus hati merumus jati diri  
Sekudus nurani memulus pekerti  
Ikhlas menghias paras memelas gagasan  
Menjelmakan imbasan wacana wawasan perdana.

Petikan sajak tersebut jelas menunjukkan jati diri adalah lambang dan keperibadian bangsa. Selanjutnya, perhatikan pula sajak “Salam Merdeka” karya Yahaya Suip, rangkap dua berikut:

.....

Menjadi rencah kehidupan  
Menuju kecemerlangan  
Petanda kedewasaan menjangkau  
Tuntutan anak warga tercinta  
Mempertahankan maruah dan jati diri  
Agar bias bertahan melangkau zaman.

Jati diri dan maruah bangsa sangat penting sebagai benteng untuk generasi pascamerdeka, umpamanya perhatikan sajak “Benteng Merdeka” karya Nazim Mohd Subari seperti berikut:

.....

Tertanam pasak ke inti bumi  
Padu binaan bertunjang sejarah  
Kekal jati diri bangsa bermaruah.

Selanjutnya, perhatikan pula sajak “Di Sini Kasihku Tertumpah” karya Hamzah Hamdan seperti berikut:

Inilah tanah airku  
Yang langitnya kita junjung  
Memayungi anak watan  
Benteng pertahanan jati diri bangsa  
Yang menjanjikan kedamaian dan kemakmuran.

Sastera juga mampu untuk membentuk jati diri pelajar agar mereka tidak hanyut dengan arus zaman dan budaya negatif Barat yang merosakkan. Misalnya, gejala pergaulan bebas, melepak dan membuang masa, menagih dadah dan sebagainya. Jati diri Melayu

yang diinginkan kepada generasi pasca merdeka ada diungkapkan seperti dalam sajak “Firdausi Kemerdekaan” karya Md Sabri Che Man, antaranya:

.....  
Luas makna sejuta janji  
Membangun harga diri  
Pasca modenisme ditawani  
Bersyukur pada Ilahi  
Negara tercinta aman sentosa

.....  
Mewangi peribumi warisan bangsa  
Merentasi sangsi dengan ketabahan  
Menangkis waham dengan kepastian  
Mengusir rintangan dengan wawasan  
Berdiri sama tinggi duduk sama rendah  
Daulatnya membina bangsa bermaruah.

Sastera ialah sesuatu yang kreatif lagi kritis. Pembinaan dan penciptaannya penuh dengan estetik lagi indah di samping sarat dengan unsur-unsur moral kerana sastera itu tidak akan dihasilkan secara sia-sia. Ia merupakan rangkuman kehidupan masyarakat. Sastera mempunyai pertalian yang amat rapat dengan kehidupan kerana paparannya berdasarkan pengalaman, pemerhatian, kajian dan harapan pengarangnya. Selanjutnya, perhatikan pula pemikiran daripada penyair A. Jalil Alimon dalam sajaknya “Merdeka! Merdeka! Merdeka!” seperti yang diungkapkan berikut:

.....  
Bersatu mananam semangat jitu  
Bersatu menebus maruah  
Kemerdekaan mengajak  
Kita bebas dan kental  
Bermaruah, berdaulat  
Biar Melayu tak hilang di dunia  
Biar Melayu memimpin dunia!

Mengikut Zahirah Aziz (1991:1), kesusasteraan mencerminkan masyarakat dan budaya dan merupakan manifestasi kesenian melalui

media bahasa yang kreatif lagi indah. Ia juga bersesuaian dengan matlamat pendidikan kesusasteraan Melayu yang berlandaskan Falsafah Pendidikan Negara, iaitu membolehkan para pelajar menjawai pelbagai unsur dan nilai murni dari segi kerohanian, kemanusiaan, kemasyarakatan, kebudayaan dan kewargenegaraan.

Dengan merujuk kepada perlumbagaan negara yang meletakkan bangsa Melayu sebagai bangsa utama di negara ini dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan pula menetapkan bahawa kebudayaan Malaysia adalah berteraskan kepada kebudayaan Melayu tanpa meminggirkan kebudayaan kaum lain yang dominan, maka peranan karya-karya dalam kesusasteraan Melayu sememangnya bersifat ke arah itu dan genre yang sangat kompleks dan mudah dibaca serta difahami seperti cerpen, novel, sajak, skrip drama dan juga sastera tradisional seperti pantun, syair dan cerita-cerita hikayat. Oleh itu, bahan bacaan kesusasteraan yang dipilih tersebut banyak menonjolkan aspek-aspek positif nilai-nilai murni sebagai contoh dan tauladan kepada para pelajar. Dalam hal ini, sastera amat penting kerana negara kini menerima pengaruh globalisasi dunia tanpa sempadan dengan kemajuan koridor raya multimedia yang sudah pastinya memberi kesan sampingan terhadap nilai dan budaya masyarakat Melayu. Perkara ini jelas seperti pemikiran yang hendak disampaikan dalam sajak “Hari Kemerdekaan” karya Nahmar Jamil, antaranya:

.....

Hendak ke mana dibawa kemajuan dan teknologi  
Menghakiskan kediaman, hari depan dan identiti  
Kemerdekaan hakiki  
Tersembunyi di pertarungan batin sendiri.

Sajak “Erti Kemerdekaan” karya Isbiha juga menyuarakan keimbangan jika generasi pascamodenisme mengabaikan harga diri dan maruah bangsa. Perkara ini ada disuarakan seperti dalam rangkap berikut:

.....

Demikian erti sebuah kemerdekaan  
Mengangkat harga diri dalam kehidupan  
Atau tercabar di lembah kehinaan?

Sastera berfungsi dalam membentuk sahsiah ramaja yang juga seorang pelajar. Perkara ini berlaku kerana sekolah bukan sahaja berperanan sebagai tempat sumber ilmu semata-mata tetapi sebagai alat kawalan sosial. Pelajar yang datang ke sekolah akan sedar tanggungjawab mereka sebagai seorang pelajar yang seharusnya mempunyai sifat seorang kamil, iaitu menjadi seorang pelajar yang baik dari segi rohani dan jasmaninya melalui pembelajaran kesusasteraan Melayu. Perkara ini ada diungkapkan dalam sajak “Lentera Kemerdekaan” karya Isa Ramli yang perlu dihayati oleh generasi masa kini:

.....  
Sinar kemerdekaan perlu  
Dibajai dan dibelai  
Seikhlas rasa  
Kerana ilusinya  
Memberi limpahan  
Kebahagiaan, kedamaian juga kemajuan diri.

.....  
Bukan keegoan  
Merajai naluri  
Sinarnya perlu memerdekaan  
Segala erti kehidupan hari ini.

## **Menyemai Sikap Mencintai Ilmu dan Warisan Melayu**

Kesusasteraan Melayu juga berfungsi untuk menyemai sikap cintakan ilmu dan warisan Melayu di kalangan pelajar. Ilmu amat penting sebagai rujukan dan panduan di hari muka. Pelajar perlu digalakkan untuk mencari ilmu sehingga ke tahap yang paling tinggi. Sebagai contoh, terdapat enam buah puisi dalam *Nukilan Sajak Merdeka* yang memperkatakan persoalan kepentingan ilmu, antaranya puisi “Jelingan Di Sebalik Jeriji Ilmu” karya Nissa’ Yusof, “Sumpah Anak Merdeka” karya Sabariah Bahari, “Sepanjang Jalan Kemerdekaan” karya Haron A.H, “Kemerdekaan Ini” karya Abdullah Ar, “Melawar Sejarah” karya Darma Mohammad. Sebagai contoh, perhatikan sajak “Hei Anak-Anak Generasi” karya Azmi Yusoff seperti berikut:

Hei anak-anak generasi  
Sulamkan peribadi dengan sutera ilmu  
Kelimkan rohani dengan renda iman  
Gilapkan permata budi kilatkan mutiara bahasa  
.....

Selanjutnya, sastera berjaya berperanan untuk menyemai sikap yang mulia ini. Misalnya puisi “Melawar Sejarah” karya Darma Mohammad berikut:

...  
Mari menerobos ke ufuk baru menakluk segala macam  
Kekuatan lahir dan batin dengan hentakan ilmu dan akal  
Dengan berani berkata benar dengan berani berfikir tajam  
Dengan berani bertindak nekad  
Generasi alaf baru ini mesti ampuh  
...

Begitu juga dengan puisi “Sepanjang Jalan Kemerdekaan” karya Haron A. H seperti yang diungkapkan berikut:

...  
Ingin kami lebarkan  
Segala tasik ladam  
Menjadi samudera ilmu  
Kita mengenal mainan gelombang

Begitu juga dengan puisi “Jelingan Di Sebalik Jeriji Ilmu” karya Nissa’ Yusof berikut:

Merdeka aku dengan ilmuku  
Tidak cuma menang di dataran merdeka  
Mengira denting jam tua  
Tidak cuma melihat hutan menjadi kota  
Tapi merdeka aku dengan caraku  
Yang menjeling di celah  
Jeriji-jeriji ilmu

Demikian juga dengan puisi “Sumpah Anak Merdeka”, karya Sabariah Bahari seperti rangkap akhir berikut:

Kita anak merdeka  
Mengejar wawasan  
Mengikut jalan benar  
Dari ilmuan dan pegangan

## Sastera sebagai Alat Mempertingkatkan Perkembangan Bahasa

Dalam himpunan *Nukilan Sajak Merdeka* terdapat sejumlah 19 buah sajak yang memperkatakan bahasa Melayu. Sajak-sajak tersebut “Utusan Tinta” karya Dr. Rais Yatim, “Semarak Ogos” karya Ria Asmira, “Menuju Wawasan” karya Mohd Kasim Mahmud, “Renungan Ogos” karya Wahba, “Ibu Pertiwi” karya Nurul Asmadi Othman, “Antara Laungan dan Kesedaran” karya Rosli Mat Zin, “Darah Bangsa” karya A. Aziz Deraman, “Pusar Sejarah” karya Azim Saleh, “Di Jalan Merdeka Ini Kita Hakis Tradisi Biar” karya Jayhasra, “Kita Adalah Bangsa Yang Hidup” karya Omar Adam, “Tarian Merdeka Abad 21” karya Sahrunizam Abdul Talib, “Pengkhianat Pengecut” karya Nor Aishah Mohd Noor, “Munajat Merdeka” karya Zailiani Taslim, “Awan Terakhir Kurun 20” karya Zurinah Hasan, “Merdeka Bangsa” karya LC Fang, “Lantai Merdeka” karya Haris Fadilah Ahmad, “Dwimimpi” karya A. Rahim Abdullah, dan “Seorang Penyair Selepas 39 Tahun Merdeka”. Sebagai contoh, perhatikan amanat daripada YB Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim dalam sajaknya “Utusan Tinta” seperti berikut:

.....  
Kalau galah kau mencapai buah  
Kalau titian kau membawa ke seberang  
Kalau keris kau membawa tuah  
Kalau biduk kau menaut kiambang  
.....

Kesusasteraan diajar khususnya puisi atau sajak bertujuan supaya para pelajar dapat menggunakan sebagaimana *rhetorical modeling* atau perkembangan bahasa. Para pelajar digalakkan menyuburkan kesedaran mereka tentang stail atau gaya dan memperbaiki fleksibiliti mereka dalam menggunakan bahasa. Hal ini adalah kerana mereka mempunyai berbagai-bagai alat linguistik untuk digunakan. Isu bahasa, sastera dan

budaya Melayu adalah antara topik yang hangat dibicarakan dalam antologi puisi *Nukilan Sajak Merdeka* ini. Selanjutnya, perhatikan sajak “Merdeka Bangsa” karya LC Fang berikut:

Bahasa kita, nadi bangsa anak kita  
Bersedialah merempuh asak kian songsang  
Yang semakin kemaruk  
Menconteng indah erti kemerdekaan

.....  
Hanya pada tangan kita  
Merdeka bahasa, jiwa dan raga  
Hanya bahasa kita membangunkan  
Budaya kesantunan budi  
Kenapa mahu diterbalikkan zaman  
Menjadi azali, bagai waktu minda

.....  
Sesungguhnya merdeka negara tanpa bahasa  
Runtuh bangsa, hancur budaya.

Hambatan yang mengganggu gugat perkembangan bahasa Melayu dan sastera kebangsaan sejak akhir-akhir ini disuarakan oleh penyair Nor Aishah Mohd Noor dalam sajaknya “Pengkhianat Pengecut” seperti berikut:

Lempar kata sembunyi suara  
Persis warga khianat  
Yang cantik itu bahasa  
Yang baik itu budi  
Kalau dua-dua itu tiada  
Berhenti jadi bangsa berdaulat  
Anjing lebih tinggi martabat  
Dari jadi petualang

.....

Soal bahasa tidak harus dipermainkan. Bahasa menunjukkan bangsa, jati diri sesuatu bangsa juga bermula dari bahasa kebangsaannya. Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim (2004: 9), berkata “Apabila seseorang hilang bahasa, maka hilang jiwa bangsa itu, kita

dapati bangsa yang maju di dunia, tidak pernah hilang budaya bahasa mereka. Lihat saja bahasa Inggeris, Perancis, Jepun atau China, mereka mempunyai sistem bahasa dan pembudayaan bangsa yang tersusun dan dijaga dengan rapi. Dijaga dengan secara warisan. Tetapi di tanah air, membiarkan perkara ini dan berlaku secara cacamerba”. Kebimbangan ini ada disuarakan oleh Zurinah Hassan melalui puisinya “Seorang Penyair Selepas 39 Tahun Merdeka”:

Diselaminya lautan madah pujangga  
 Tersentuhlah kilau mutiara makna  
 Diukirnya syair untuk tanah air  
 Dilafazkan ikrar perwira  
 Dinyanyikan “Bahasa Jiwa Bangsa”  
 Dengan getar jiwa  
 39 tahun selepas merdeka  
 Dia masih seorang penyair setia

.....

“Bahasa tidak dijual beli”  
 39 tahun selepas merdeka  
 Panggung semakin kosong  
 Mungkinkan dia menjadi pelakon tua  
 Yang tersingkir dari pentas negara.

Berdasarkan pemikiran logik, bahasa Melayu kini seperti dipinggirkan dalam banyak perkara, isu penggugatannya semakin ketara sejak bermulanya cadangan menggunakan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik pada semua peringkat persekolahan, tambahan pula pertuturnya juga tidak dituturkan dengan baik oleh semua lapisan masyarakat termasuk sesetengah pemimpin dan pihak media elektronik, namun sebagai manusia berfikiran luhur dan lahir tidak akan berputus asa. Tanggungjawab untuk terus memupuk semangat sayang akan bangsa dan bahasa sebagai teras jati diri masyarakat majmuk di Malaysia ini harus terus dilaksanakan.

Hashim Awang (1985: 295) menyatakan bahawa puisi bukannya sesuatu yang mati. Ia penuh dengan estetik, dihias pula dengan berbagai-bagai gaya yang merupakan identiti tertentu sang penyair. Selain daripada wujudnya sesuatu perutusan, pesanan, tujuan atau apa sahaja yang terangkum dalam sesuatu pola yang lebih besar temanya,

puisi juga mengandungi beberapa bentuk keindahan atau daya estetik. Sehubungan dengan itu, melalui penghayatan sajak segala pemikiran yang berkaitan bahasa dan bangsa dapat diambil iktibar dan pengajaran untuk hari muka. Oleh yang demikian, melalui pengajaran dan pembelajaran sastera merupakan satu elemen yang sangat penting dalam diri setiap pelajar dan masyarakat. Perkara ini disebabkan kemampuannya menangani pelbagai masalah yang terdapat dalam institusi masyarakat. Di samping itu, sastera berupaya membentuk peradaban manusia, pembangunan sahsiah dan moral. Sastera amat penting kerana ia merupakan pengajaran yang berkait rapat dengan sosiobudaya masyarakat dan merupakan teras pembangunan sesebuah negara. Sastera ialah soal manusia dan kemanusiaan. Sastera diajar di sekolah dan di universiti bukan untuk mendapatkan pulangan segera dalam bentuk ekonomi. Hal ini disebabkan sastera memberikan jati diri untuk kemajuan bangsa dan pembentukan insan mulia. Lantaran itu, peranan sastera tidak boleh dipandang remeh oleh pelajar, masyarakat atau sesiapa sekalipun.

## Rumusan

Sebagai rumusannya, menghayati sastera sekali gus akan mengenali budaya serta nilai-nilai murni dan jati diri yang terkandung di dalamnya. Puisi atau sajak adalah wadah dari penyair yang padat dengan maksud yang tersurat dan tersirat dari suara hati dan sanubari. Sehubungan dengan itu, pengajaran dan pembelajaran sastera adalah untuk membolehkan para pelajar menyedari betapa pentingnya melindungi warisan budaya mereka. Penghayatan puisi dan persesembahannya diharapkan para pelajar akan teguh dan kental jiwa serta peribadi. Amanah yang dipikul serta tanggungjawab yang tidak berbelah bahagi seharusnya dapat dipenuhi dengan wawasan, berbudaya dan berbudi luhur. Seperti yang diketahui, prinsip puisi adalah membawakan makna atau erti sebanyak mungkin dalam kata-kata sedikit mungkin. Penegasan ini dapat difahami bahawa puisi memberi keluasan dan kedalaman pengetahuan melalui kepadatan atau keterbatasan kata-kata. Serentak dengan itu puisi juga turut memberikan semangat tertentu, menggerakkan sesuatu dalam diri pembaca, memaksa pembaca mengembangkan imaginasi dan kekayaan fikirannya. Betapapun juga, kesukaran tersebut dapat diatasi melalui minat, kesungguhan dan kesedaran yang berkekalan. Semuanya ini perlu terlaksana secara

seimbang dan bergerak seiring dalam tiga bidang, iaitu penciptaan, penelitian dan penikmat. Bidang penciptaan adalah bidang yang melibatkan kegiatan, peranan dan sikap penyair atau pengarang. Bidang penelitian adalah kegiatan ilmiah yang merangkumi penghasilan teori, kritikan dan sejarah kesusasteraan. Bidang penikmat pula terdiri daripada para pembaca cipta sastera yang datang dari pelbagai golongan dan peringkat. Sesungguhnya, ketiga-tiga bidang ini akan selamanya dituntut supaya saling membantu untuk mewujudkan suasana yang baik dalam pertumbuhan serta perkembangan kesusasteraan sebagai khazanah seni bangsa. Ketiga-tiga bidang itu pulalah yang menjadi pendekatan pembacaan selanjutnya dengan memberikan penumpuan khusus kepada puisi.

Puisi sebagai karya kesusasteraan tidaklah sekadar untuk dibaca dan didengar. Puisi yang unsur-unsurnya kaya dengan nilai-nilai kerohanian itu perlu difahami atau dihayati. Bagi mencapai matlamat memahami ini, seseorang pembaca atau peneliti hendaklah terlebih dahulu membebaskan diri dari konsep bahawa puisi itu susah atau rumit. Cuma yang perlu ketika menghadapi puisi ialah membina sikap kesungguhan, perasaan yang peka, imaginasi yang kuat dan fikiran yang terbuka. Demikianlah beberapa contoh yang sesuai dibincangkan daripada petikan puisi atau sajak daripada antologi *Nukilan Sajak Merdeka*. Namun, untuk melestarikannya ia perlu mempunyai satu jalinan yang harmonis dalam perlaksanaannya terutamanya dalam kurikulum pendidikan. Ia perlu mempunyai satu landas mekanisme yang kuat serta mantap supaya perlaksanaannya berupaya mencapai matlamatnya. Kesusasteraan itu satu pancaran kebudayaan bangsa yang sangat tinggi. Maka dalam hal ini, tanpa rasa ragu, semua pihak haruslah memberikan kepercayaan yang tuntas kepada subjek atau kursus kesusasteraan Melayu. Ini kerana bidang seni sastera merupakan jiwa masyarakat yang perlu dipertahankan. Sebuah tamadun bangsa yang unggul perlu mempunyai jiwa yang menghargai kehalusan bahasa, budaya, tradisional, seni dan sastera. Pengabaian budaya bermakna penghakisan bahasa, sastera dan menjatuhkan sesuatu tamadun bangsa kerana ianya saling berkaitan ibarat irama dan lagu tak mungkin dapat dipisahkan.

## Rujukan

- Adeyanju, T.K . “Teaching Literature and Human Vallues In Esl”, In *ELT Journal 32/2*
- Hashim Awang, 1985. *Mendekati kesusasteraan Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Horace Engdahl, 2002. *Nobel lectures in literature 1996-2000*. Singapore: World Scientific Publishing Co. Pte. Ltd.
- Kamaruzzaman Abd. Kadir (Dharmawijaya), 1998. *Puisi Melayu*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Loban, Walter et al., 1969. *Teaching language and literature: Grade seven-twelfth*. New York: Harcourt Jovanovich inc.
- Nukilan Sajak Merdeka*, 2007. Kuala Lumpur: Kementeriaan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (KEKKWA).
- Rahman Shaari, 1998. *Kesusasteraan dalam pendidikan sastera*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Rais Yatim. “Malapetaka Jika Bahasa Melayu Tidak DiJaga”, *Berita Harian* 16 Mei 2004.
- Samsina Hj. Abd. Rahman, 1997. *Falsafah dan pengajian kesusasteraan Melayu*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Suria Janib, “Sastera Jiwa Masyarakat” *Dewan Sastera*, Jun 2007. Kuala Lumpur: DBP.
- Umar Junus, 1981. *Dasar-dasar interpretasi sajak*. Kuala Lumpur: Heinemann Asia.
- Zahirah Aziz, “Penerapan Seni Budaya dalam Sukatan Pelajaran”. Kertas kerja dalam *Simposium Kebudayaan dan Drama*, pada 19-21 Oktober 2000, Tanjong Malim.
- Zainal Abidin Bakar, “Kemunculan Puisi Melayu Moden Tanah Air”. *Dewan Sastera*, Disember 1975: 42-43. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.